MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI
MELAKA BIL. 4/2018

Bil	:	4/2018
Tarikh	:	19 Disember 2018
Masa	:	3.00 Petang
Tempat	:	Bilik Mesyuarat Tun Seri Nara Diraja, Aras 4, Blok Bentara, Seri Negeri, Ayer Keroh, MELAKA

Kehadiran Pihak Pegawai:

1. En. Mohd Yusof bin Abu Bakar - Pengerusi Pihak Pegawai
2. Cik Norifah binti Nordin - Ahli Pihak Pegawai
3. Cik Puhnitha Devi A/P Durairaju - Ahli Pihak Pegawai
4. Pn. Hairiah binti Rasimin - Setiausaha
5. Pn. Azliana binti Mohamd Amin - Urusetia
7. Pn. Nor Azira binti Md Ghazali - Pencatat Minit

Kehadiran Pihak Pekerja:

1. En. Mohd Fadzlezam bin Sulaiman - Pengerusi Pihak Pekerja
2. Pn. Norhassanah binti Mohammad - Setiausaha Pihak Pekerja
3. Cik Norfaizah binti Hassan - Ahli Pihak Pekerja
4. Pn. Nur Wahida binti Ramly - Ahli Pihak Pekerja
5. Pn. Noor Baizura binti Hj. Kamis - Ahli Pihak Pekerja
6. Pn. Norhaslina binti Abu Hasan - Ahli Pihak Pekerja
7. Pn. Noorsyarafina binti Mohd Hiddir - Ahli Pihak Pekerja
8. En. Mohd Najib bin Buang - Ahli Pihak Pekerja

Tidak Hadir Dengan Maaf:

1. Cik Norfaizah binti Hassan - Ahli Pihak Pekerja

1. PERUTUSAN PENGERUSI

1.1 Pengerusi MBJ JKPNM mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua yang hadir ke Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bil. 4/2018.

1.2 Pengerusi berharap agar warga kerja JKPNM menggunakan MBJ sebagai platform utama dalam menyumbang idea dan pendapat yang membina untuk pembangunan organisasi amnya.

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL 3/2018

Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bil. 3/2018 bertarikh 2 November 2018 disahkan tanpa pindaan.

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Usul 1 - 2017 : Mencadangkan agar kumpulan koir JKPNM diberi nafas baru semula

3.1.1 Mesyuarat mengambil maklum berhubung cadangan agar kumpulan koir JKPNM diberi nafas baru. Seramai 31 orang daripada 89 warga kerja JKPNM yang telah bersetuju untuk menubuhkan kumpulan koir Jabatan dan pihak Pentadbiran telah mengenal pasti tenaga pengajar yang bersesuaian dengan kos bayaran RM100/jam bagi melatih kumpulan koir Jabatan.

3.1.2 Keputusan:

Mesyuarat bersetuju dengan tenaga pengajar yang dipilih untuk melatih pasukan koir Jabatan pada waktu rehat atau waktu petang selepas habis waktu kerja. Walau bagaimanapun, latihan tersebut boleh diberi kelonggaran untuk diadakan pada waktu oejabat jan 12.00 tengah hari hingga 1.00 petang bagi memastikan kerja hakiki warga kerja tidak terjejas.

Mesyuarat dimaklumkan juga sehingga kini latihan koir Jabatan masih belum dilaksanakan berikutan penetapan jadual/ masa dengan tenaga pengajar. Sehubungan itu, Unit Pentadbiran mengesyorkan supaya penetapan jadual serta latihan tersebut dilaksankan mulai Tahun 2019. Latihan akan dilaksanakan sebanyak 2 - 4 kali sebulan pada waktu rehat/ selepas waktu bekerja. Tertakluk kepada penetapan jadual dengan tenaga pengajar).

Mesyuarat bersetuju kumpulan koir JKPNM yang diusulkan sebelum ini digugurkan memandangkan kumpulan tersebut akan digunakan pada masa-masa tertentu sahaja (apabila menjadi hos perhimpunan bulanan sahaja).

Tindakan : Makluman

3.2 <u>Usul 2 - 2018 : Mencadangkan agar perkhidmatan pemeriksaan kesihatan secara menyeluruh (full body) dan taklimat/ latihan pertolongan cemas kepada semua warga kerja JKPNM</u>

3.2.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Unit Pentadbiran juga telah menerima maklumbalas daripada Columbia Asia Malaysia untuk menawarkan pemeriksaan kesihatan di pejabat dengan anggaran harga RM170.00/ seorang (*full basic blood test package, body composition, consultation, statistic & report*). Manakala Putra Hospital Melaka menawarkan harga RM270.00/ seorang (*blood screening, consultation, chest x-ray, lung function test, & report).*

3.2.2 Mesyuarat juga bersetuju untuk melaksanakan taklimat dan latihan pertolongan cemas

3.2.3 <u>Keputusan</u>

Mesyuarat telah dimaklumkan berkaitan kajian pasaran yang telah diperoleh daripada 4 buah hospital tempatan (Melaka) untuk perbandingan harga, antaranya Putra Specialist Hospital, Hospital Pantai, Mahkota Medical Centre dan Oriental Strait Medical Centre.

Mesyuarat juga bersetuju Putra Specialist Hospital dipilih untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan kepada warga kerja JKPNM dengan kerjasama INSPIM dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM40,000.00 dan akan dilaksanakan pada Januari 2019 atau Februari 2019.

Tindakan : Pentadbiran

3.3 Usul 3 - 2018 : Mencadangkan supaya diadakan Bengkel/ Kursus Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2018 dan Penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2019 dan Team Building di luar Jabatan

3.3.1 Mesyuarat dimaklumkan Unit Pentadbiran mencadangkan supaya SKT/Team Building JKPNM dilaksanakan pada bulan September 2018 dengan pengesyoran tempat di Pulau Tioman seperti berikut :-

Bil.	Lokasi
1.	Barat Tioaman Beach Resort
2.	Minang Cove Resort
3.	Tunamaya Beach & Spa Resort
4.	Berjaya Tioman Resort

3.3.2 Keputusan

Mesyuarat bersetuju dengan pemilihan tempat iaitu di Berjaya Tioman Resort dan disyorkan pelaksanaan team building pada hari Jumaat hingga Ahad di antara bulan September atau Oktober 2018. Unit Pentadbiran dipohon mendapatkan sebutharga bagi tempat yang dipersetujui.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa anggaran kos pakej team building bagi 59 orang pegawai di Berjaya Tioman Resort adalah sebanyak RM48,424.00. Walau bagaimanapun, ia tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2018 di atas beberapa faktor serta kekangan masa. Tarikh yang dicadangkan adalah Januari hingga Mac 2019.

Manakala mesyuarat juga bersetuju untuk mengadakan bengkel/ latihan Pencapaian SKT 2018 dan Penetapan SKT 2019 pada 14 Januari 2019. Manakala kursus team building akan dilaksanakan pada 8 hingga 10 Mac 2019.

Tindakan : Pentadbiran

3.4 Usul 4 - 2018 : Mencadangkan Pusingan Kerja (reshuffle) bagi pegawai yang melebihi tempoh lima (5) tahun

3.4.1 Mesyuarat mengambil maklum berkaitan (reshuffle)/ rombakan bagi pegawai/ kakitangan gred W29(KUP)/W22(KUP)/W19/N19 bagi unit yang sama melebihi 5 tahun.

3.4.2 Keputusan

Mesyuarat bersetuju dengan usul yang diberikan dari wakil pekerja. Walau bagaimanapun, mesyuarat mencadangkan agar (reshuffle)/ rombakan dilaksanakan pada Mac 2019.

Mesyuarat juga bersetuju agar Unit Pentadbiran mengadakan satu mesyuarat bersama ketua-ketua Bahagian/ Unit terlebih dahulu bagi membincangkan pertukaran tersebut.

Tindakan : Pentadbiran

3.5 Usul 5 - 2018 : Pengisian kekosongan perjawatan sedia ada di isi bagi melancarkan tugas operasi Jabatan

3.5.1 Mesyuarat mengambil maklum dengan cadangan bagi pengisian jawatan yang kosong akibat kenaikan pangkat/ bersara wajib atau bertukar keluar ke Jabatan/ Agensi lain. Unit Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia dipohon untuk mengemukakan permohonan pengisian perjawatan ke BPSM, JKMM dilaksanakan dengan kadar segera.

3.5.2 Keputusan

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Unit Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia telah mengemukakan permohonan pengisian bagi tujuh (7) perjawatan pelbagai skim dan gred ke BPSM, JKMM melalui surat rujukan JKPNM.500-2/7(21) bertarikh 3 Disember 2018.

Jangkaan pengisian akan dilaksanakan pada Januari 2019 bagi Kumpulan Pelaksana I dan Kumpulan Pelaksana II. Walau bagaimanapun, Unit Pentadbiran telah membuat semakan bersama pihak BPSM, JKMM pada 13 Disember 2018 bahawa BPSM, JKMM telah berurusan bersama pihak SPA dimana, SPA akan mengadakan temuduga bagi pengisian jawatan N19/W19/N29/W29 dan pelbagai jawatan lain yang melibatkan pengisian oleh pihak SPA, temuduga bagi jawatan tersebut akan diadakan pada Disember 2018 hingga Januari 2019. Manakala bagi jawatan kenaikan pangkat akan dilaksanakan pada Disember 2018 hingga Februari 2019.

Tindakan : Pentadbiran

3.6 Usul 6 - 2018 : Penyelarasan kursus dan latihan

3.6.1 Mesyuarat dimaklumkan berkaitan kursus dan latihan yang harus diselaraskan kepada semua pegawai dan kakitangan JKPNM.

3.6.2 Keputusan

Mesyuarat mengambil maklum bahawa kursus dan latihan harus diselaraskan mengikut skim jawatan dan gred kakitangan JKPNM. Walau bagaimanapun, mesyuarat bersetuju agar kakitangan JKPNM diberi latihan/ kursus di luar bidang tugas masing-masing, ini adalah pendedahan kepada kakitangan berkaitan pelaksanaan peraturan/ pekeliling yang berkuatkuasa.

Tindakan : Makluman

3.7 Usul 7 - 2018 : Mencadangkan agar membaikpulih mesin *thumbprint* di UTC Melaka

3.7.1 Mesyuarat mengambil maklum dengan cadangan agar mesin *thumbprint* di UTC Melaka.

3.7.2 Keputusan

Mesyuarat mengambil maklum dan memohon Unit Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia, JKPNM melihat dan menyemak semula mesin tersebut serta memanjangkan kepada pihak BPTM, JKMM untuk penyelenggaraan mesin tersebut.

Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa Unit Pentadbiran telah menghantar satu surat kepada BPTM, JKMM untuk tindakan susulan daripada aduan tersebut.

Tindakan : Makluman

3.8 Usul 8 - 2018 : Hari Keluarga Jabatan

3.8.1 Mesyuarat mengambil maklum dengan cadangan wakil pekerja untuk mengadakan Hari Keluarga Jabatan, JKPNM memandangkan kali terakhir diadakan pada Tahun 2016.

3.8.2 Keputusan

Mesyuarat mengambil maklum berkaitan cadangan dan usul yang dikemukakan oleh wakil pekerja. Jabatan akan melihat semula kos perbelanjaan dan tempat yang bersesuaian memandangkan majlis tersebut dilaksanakan pada Tahun 2016. Mesyuarat juga mencadangkan agar majlis tersebut dilaksanakan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan JKPNM dengan kerjasama Jabatan.

Mesyuarat juga bersetuju agar Program Hari Keluarga JKPNM dilaksanakan pada Sepetember 2019 dan berharap semua warga kerja JKPNM dapat turut serta dalam program tersebut.

Tindakan : Pentadbiran

3.9 Usul 9 - 2018 : Cadangan menwujudkan mini *gymnasium/* aktiviti riadah

3.9.1 Mesyuarat mengambil maklum dengan cadangan untuk mewujudkan mini gymnasium/ aktiviti riadah kepada warga kerja JKPNM dengan cadangan di Aras 3, Blok Bentara JKPNM dengan kos peralatan tersebut :-

Bil.	Jenis Peralatan	Amaun (RM)
1.	Trademill	3,500.00
2.	Basikal	1,500.00
3.	Dip Station	500.00
Jumlah Keseluruhan		**5,500.00**

3.9.2 Keputusan

Mesyuarat mengambil maklum berkaitan cadangan tersebut. Walau bagaimanapun, usul tersebut ditolak kerana melibatkan ruang dan kos penyelenggaraan bagi peralatan tersebut. Kakitangan juga boleh melakukan aktiviti riadah tersebut di Taman Seribu Bunga.

Mesyuarat juga turut mencadangkan agar Unit Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia, JKPNM mendapatkan kajian pasaran untuk menjadi member ship kepada pusat gymnasium yang berhampiran Kompleks SUK Melaka dan diuruskan oleh AJK Kelab Sukan dan Kebajikan JKPNM (Biro Sukan).

Mesyuarat telah dimaklumkan berkaitan kos yang dicadangkan dengan mewujudkan member ship card kepada pusat gymnasium yang berhampiran Kompleks SUK Melaka. Walau bagaimanapun, mesyuarat bersetuju usul tersebut ditolak di atas faktor-faktor yang telah dibincangkan seperti di atas.

Tindakan : Makluman

4. USUL BARU

4.1 Usul 1 - 2018 : Pemurnian Myportfolio

4.1.1 Mesyuarat mengambil maklum berkaitan cadangan untuk mengadakan kursus/ bengkel pemurnian Myportfolio.

4.1.2 Keputusan

Mesyuarat bersetuju dengan cadangan untuk mengadakan kursus/ bengkel Myportfolio dan Unit Pentadbiran dipohon untuk mendapatkan maklumat dan lokasi yang bersesuaian serta kumpulan sasar bagi kursus tersebut.

Tindakan : Pentadbiran

4.2 Usul 2 - 2018 : Hebahan Minit Mesyuarat MBJ kepada kakitangan JKPNM

4.2.1 Mesyuarat mengambil maklum berkaitan cadangan berkaitan hebahan minit mesyuarat MBJ JKPNM sebelum mesyuarat diadakan.

4.2.2 Keputusan

Mesyuarat mengambil maklum dan mesyuarat juga dimaklumkan bahawa minit mesyuarat MBJ JKPNM telah pun dipaparkan atau dimuat naik di dalam web Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka, di bahagian Log Masuk (untuk warga kerja JKPNM sahaja).

Tindakan : Makluman

4.3 Usul 3 - 2018 : Taklimat dan latihan pertolongan cemas kepada warga JKPNM

4.3.1 Mesyuarat mengambil maklum berkaitan cadangan berkaitan latihan pertolongan cemas kepada warga kerja JKPNM sebagai rawatan atau bantuan awal yang boleh diberikan kepada mangsa sebelum bantuan perubatan tiba dengan tujuan menyelamatkan nyawa mangsa, mengelakkan kecederaan menjadi lebih teruk atau mengurangkan kesakitan mangsa.

4.3.2 Keputusan

Mesyuarat mengambil maklum dan mencadangkan Unit Pentadbiran mengadakan kursus atau bengkel Asas Pertolongan Cemas sebagai pendedahan kepada warga kerja disamping untuk kegunaan diri sendiri atau kepada orang ramai apabila memerlukan rawatan awal sebelum bantuan perubatan tiba disamping menyelamatkan nyawa mangsa.

Tindakan : Pentadbiran

4.4 Usul 4 - 2018 : Laluan susur gajah ke cafe dan blok bentara

4.4.1 Mesyuarat mengambil maklum berkaitan cadangan laluan susur gajah ke cafe dan blok bentara dengan tujuan dapat berteduh dari hujan atau panas terik.

4.4.2 Keputusan

Mesyuarat mengambil maklum dan Unit Pentadbiran dipohon untuk memanjangkan permohonan ke BKP, JKMM.

Tindakan : Pentadbiran

4.5 Usul 5 - 2018 : Meluaskan kawasan Bangunan Taska di Kompleks Seri Negeri

4.5.1 Mesyuarat mengambil maklum berkaitan cadangan untuk meluaskan kawasan bangunan Taska Kompleks Seri Negeri memandangkan terdapat banyak permintaan untuk menempatkan anak-anak pekerja di Kompleks Seri Negeri serta memperbanyakkan lagi kouta/ mengutamakan kepada warga kerja di Kompleks Seri Negeri terlebih dahulu sebelum dibuka kepada kakitangan luar.

4.5.2 Keputusan

Mesyuarat mengambil maklum dan Unit Pentadbiran dipohon untuk memanjangkan permohonan ke BKP, JKMM.

Tindakan : Pentadbiran

4.6 Usul 6 - 2018 : Mewujudkan Whatsapp Rasmi JKPNM

4.6.1 Mesyuarat mengambil maklum berkaitan cadangan untuk mewujudkan whatsapp Rasmi JKPNM sebagai saluran rasmi utama bagi menyampaikan segala maklumat kepada warga kerja JKPNM.

4.6.2 Keputusan

Mesyuarat mengambil maklum dan mesyuarta juga menolak usul tersebut memandangkan terdapat Ketua Bahagian/ Unit yang boleh menyampaikan maklumat yang akan disalurkan kepada kakitangan seliaan masing-masing.

Tindakan : Makluman

5. PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.00 petang dan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir.

Disediakan oleh:

.....

(HAIRIAH BINTI RASIMIN)

Setiausaha,
Majlis Bersama Jabatan (MBJ),
Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan
Negeri Melaka

Tarikh : 28 Disember 2018

Disemak oleh:

.....

(NORHASSANAH BINTI MOHAMMAD)

Setiausaha Bersama,
Majlis Bersama Jabatan (MBJ),
Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan
Negeri Melaka

Tarikh : 28 Disember 2018